

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG**

**TARIKH : 25 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 11**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah rancangan Kerajaan untuk memperkenalkan sistem Bas Rapid atau sistem alternatif seperti Autonomous Rail-Bus Rapid Transit untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam di Kota Kinabalu.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, salah satu agensi yang diselia oleh Kementerian Pengangkutan yang bertanggungjawab terhadap pengangkutan awam di Sabah ialah LPKP dan LPKP berperanan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan perdagangan iaitu kenderaan barang (Pembawa A dan C) dan kenderaan perkhidmatan awam (Bas dan Teksi) dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya di Negeri Sabah dan W.P. Labuan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334).
2. Dalam memastikan pembangunan perkhidmatan pengangkutan awam di Sabah setanding dengan yang dinikmati di semenanjung, LPKP Sabah sedang merangka untuk membuat kajian berhubung penambahbaikan sistem Bas Berhenti-Henti di Sabah khususnya di Bandaraya Kota Kinabalu. Perbincangan bersama pihak-pihak yang berkaitan sedang dijalankan untuk mendapatkan maklumbalas dan bantuan kepakaran dalam melaksanakan kajian tersebut.
3. LPKP Sabah juga mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri melalui Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah juga ada mengadakan kajian untuk memperkenalkan sistem Bas Rapid Transit (BRT) di Kota Kinabalu. LPKP Sabah bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam perkara-perkara berkaitan pelesenan sekiranya peruntukan kewangan untuk projek BRT di Negeri ini telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat.

Sekian, terima kasih.